



# WUJUDKAN SUBJEK PENGUCAPAN AWAM DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Oleh Daniel Hakim Hanipi, SMK Ismail Petra, Kelantan.

**M**ENURUT *Kamus Pelajar* Edisi Kedua, pengucapan bermaksud perbuatan atau hal mengucap sesuatu seperti puisi. Awam pula bermaksud umum. Secara mudahnya, pengucapan awam boleh didefinisikan sebagai pengucapan yang dilakukan di depan khalayak seperti pidato dan debat.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia disarankan agar menjadikan Pengucapan Awam sebagai subjek khusus dalam sistem pendidikan negara. Subjek ini wajar dimasukkan dalam peperiksaan penting di sekolah seperti dalam Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Pentaksiran Tingkatan 3 dan Sijil Pelajaran Malaysia. Terdapat banyak kesan positif jika subjek ini dijadikan huraian sukatan pelajaran di negara kita.

Antara kesan positif tersebut termasuklah dapat melahirkan individu yang dapat menjadi pemimpin pada masa hadapan. Seperti yang kita semua tahu, pemimpin harus mempunyai karisma dan pengaruh yang luar biasa untuk mempengaruhi pengikutnya. Jika kita lihat pada era kini, seseorang itu boleh muncul menjadi suatu nama yang besar dalam dunia politik tanah air hanya kerana kuasa pengucapan awamnya yang berjaya menarik minat rakyat untuk menjadi pengikut setianya.

Selain itu, subjek ini juga dapat memudahkan para pelajar untuk mencari pekerjaan suatu hari nanti. Kini, banyak pelajar yang memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang, namun masih gagal mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan status mereka selaku graduan. Hal ini berlaku kerana mereka gagal meyakinkan pengurus sesebuah syarikat untuk memilih mereka selaku pekerja.

Di samping itu, subjek ini juga dapat mencungkil bakat dan potensi pelajar untuk menjadi pelajar yang cemerlang. Para guru dapat membantu dalam mengenal pasti para pelajar yang boleh menjadi peminato atau pendebat yang baik. Sesudah itu, pelajar yang berbakat ini pasti dapat menjadi sebutir bintang untuk sekolahnya.

Seterusnya, subjek ini juga dapat memastikan sama ada seseorang pelajar itu benar-benar cemerlang atau tidak dalam subjek bahasa. Sebagai contoh, para pelajar kini memperoleh gred A+ bagi subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Namun begitu, dapatkah mereka bertutur dalam bahasa ini dengan fasih?

Sebagai kesimpulannya, besarlah harapan saya untuk melihat subjek Pengucapan Awam dimasukkan dalam huraian sukatan peperiksaan di sekolah. Subjek seperti ini pasti dapat terus membantu negara untuk melahirkan pelajar yang serba boleh. 